

Bil. S 35

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

**PEMBERITAHUAN TEMBAKAU
(LARANGAN DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU), 2007**

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Merokok tidak dibenarkan di tempat-tempat tertentu.

JADUAL PERTAMA — BANGUNAN

JADUAL KEDUA — KENDERaan PERKHIDMATAN AWAM

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

**PEMBERITAHUAN TEMBAKAU
(LARANGAN DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU), 2007**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 14(1) dari Perintah Tembakau, 2005, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Pemberitahuan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Pemberitahuan ini boleh digelar sebagai Pemberitahuan Tembakau (Larangan di Tempat-Tempat Tertentu), 2007 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Tembakau, 2005.

Tafsiran.

2. Dalam Pemberitahuan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"tempat makan" bermakna mana-mana tempat atau mana-mana bahagian tempat di mana makanan, hidangan atau minuman ringan dihidangkan kepada orang ramai dan termasuk dewan tari-menari di sesebuah hotel;

"pusat permainan" termasuk mana-mana premis di mana mesin jackpot, mesin pinbal, mesin permainan video atau apa-apa mesin permainan lain yang serupa disediakan untuk hiburan;

"panggung wayang" termasuk auditorium mana-mana bangunan yang digunakan untuk pertunjukan filem;

"institusi pendidikan" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 2 dari Perintah Pendidikan, 2003;

"pusat hiburan" bermakna mana-mana premis atau tempat di mana hiburan awam diadakan dan orang ramai dibenarkan untuk memasuki dengan atau tanpa bayaran dan termasuk sesebuah pusat permainan, panggung wayang dan teater;

"kilang" bermakna mana-mana premis atau sebahagiannya yang digunakan semata-mata atau terutamanya bagi pembuatan atau pengeluaran (sama ada oleh suatu syarikat pemasangan atau pun selainnya) apa-apa barang, komoditi atau produk atau sebahagiannya dan termasuk mana-mana

koridor, lobi, ruang tangga, bilik air atau kawasan umum lain di premis tersebut atau sebahagiannya yang dapat diakses oleh orang-orang yang bekerja di dalamnya;

"premis kerajaan" bermakna mana-mana premis yang dimiliki atau diduduki oleh Kerajaan atau mana-mana badan berkanun;

"institusi pendidikan tinggi" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 2 dari Perintah Pendidikan, 2003;

"hospital" bermakna mana-mana premis yang digunakan atau dimaksudkan hendak digunakan untuk menerima, menempatkan, merawat dan menjaga orang-orang yang memerlukan rawatan perubatan atau menderita sakit, menghidap apa-apa penyakit, mengalami apa-apa kecederaan atau kelemahan;

"klinik perubatan" bermakna mana-mana premis yang digunakan atau dimaksudkan hendak digunakan oleh seseorang pengamal perubatan atau seseorang doktor gigi, mengikut mana yang berkenaan, yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggal 112) atau mana-mana orang lain —

(a) bagi mendiagnosis atau merawat orang-orang yang menghidap atau dipercayai menghidap apa-apa penyakit, mengalami atau dipercayai mengalami apa-apa kecederaan atau ketiadaupayaan akal atau tubuh; atau

(b) bagi menyembuhkan atau melegakan sebarang keadaan badan manusia yang tidak normal dengan menggunakan apa-apa radas, kelengkapan, alat atau peranti yang memerlukan penggunaan elektrik, haba atau cahaya;

"bas bermotor" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 2(1) dari Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68);

"rumah penjagaan" bermakna mana-mana premis yang digunakan atau dimaksudkan hendak digunakan bagi menerima, dan mengadakan penjagaan bagi, orang-orang yang menghidap atau pulih dari apa-apa penyakit, mengalami atau pulih dari kecederaan atau kelemahan;

"premis pejabat" bermakna mana-mana bilik atau premis atau sebahagiannya yang penggunaannya yang satu-satunya atau utama adalah bagi menjalankan sebarang kerja pentadbiran atau perkeranian atau kerja lain yang berkaitan;

"premis" termasuk sesebuah bangunan, khemah atau struktur lain, sama ada kekal atau pun selainnya, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berhubung dengannya, dan juga termasuk sesebuah kenderaan;

"bas persendirian" bermakna mana-mana bas yang dimiliki oleh mana-mana orang dan digunakan hanya untuk membawa pekerja-pekerja pemilik bas tersebut atau bagi membawa orang-orang berhubung dengan perniagaannya, apa-apa bayaran yang dibuat bagi membawa orang-orang itu tidak akan mendatangkan keuntungan darinya;

"bas sewa persendirian" bermakna mana-mana bas yang tidak bergerak berulang-alik mencari penumpang di atas mana-mana jalan raya tetapi disewa di bawah suatu kontrak, nyata atau tersirat, bagi penggunaan kenderaan tersebut pada keseluruhannya;

"terminal pengangkutan awam" termasuk mana-mana tempat untuk membeli tiket atau untuk menaiki dan turun dari mana-mana pengangkutan awam;

"bas sekolah" bermakna mana-mana bas yang digunakan untuk membawa kanak-kanak ke dan dari sekolah dan disewa di bawah suatu kontrak, nyata atau tersirat, pada suatu kadar atau jumlah wang yang telah ditetapkan atau dipersetujui;

"kedai" bermakna mana-mana tempat di mana produk atau perkhidmatan pengguna ditawarkan atau dijual kepada orang ramai;

"kompleks membeli-belah" bermakna mana-mana bangunan yang di dalamnya satu deretan kedai terletak di mana produk pengguna atau perkhidmatan pengguna ditawarkan atau dijual kepada orang ramai;

"teksi" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 2(1) dari Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68);

"teater" bermakna auditorium mana-mana bangunan yang digunakan untuk persembahan atau pertunjukan apa-apa lakonan pentas, muzik, nyanyian atau tarian, resital, peraduan, pertandingan sukan, pameran, lakonan anekaragam atau hiburan lain.

Merokok tidak dibenarkan di tempat-tempat tertentu.

3. Merokok tidak dibenarkan di dalam bangunan-bangunan atau sebahagiannya yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan di dalam kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(perenggan 3)

BANGUNAN

1. Premis Kerajaan.
2. Premis pejabat, kecuali pengurus premis tersebut boleh menetapkan mana-mana bilik tertutup untuk merokok di dalamnya —
 - (a) yang mempunyai pengalihan udara yang tersendiri;
 - (b) yang —
 - (i) tidak diperlukan untuk digunakan oleh mana-mana orang yang bekerja di dalam premis tersebut bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan pekerjaannya; atau
 - (ii) bukan sebuah bilik air, bilik makanan atau kawasan umum lain yang dapat diakses oleh mana-mana orang yang bekerja di dalam premis tersebut.
3. Mana-mana kawasan di dalam sesebuah institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi.
4. Mana-mana kawasan di dalam sesebuah tabika.
5. Di dalam sesebuah tempat awam di mana 2 orang atau lebih berbaris.
6. Muzium awam atau galeri seni awam.
7. Perpustakaan awam termasuk perpustakaan-perpustakaan di dalam muzium awam dan galeri seni awam.
8. Lif atau tandas awam.
9. Hospital, klinik perubatan dan rumah penjagaan.
10. Dewan, dewan tari-menari atau bilik upacara (termasuk mana-mana premis yang terletak di dalam sesebuah hotel) pada masa apabila ia digunakan untuk mengadakan sesuatu mesyuarat, persidangan, seminar, kursus atau sebarang pameran atau bagi maksud untuk menghidangkan makanan.
11. Mana-mana kawasan yang digunakan bagi sebarang aktiviti perhimpunan di dalam sesebuah bangunan selain dari bangunan persendirian atau kediaman.

12. Terminal pengangkutan awam.
13. Kawasan berhawa dingin di dalam bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, kecuali Jabatan Penerbangan Awam boleh menetapkan mana-mana bilik tertutup untuk merokok di dalamnya —
 - (a) yang mempunyai pengalihan udara yang tersendiri; dan
 - (b) yang —
 - (i) tidak diperlukan untuk digunakan oleh mana-mana orang yang bekerja di dalam bangunan terminal tersebut bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan pekerjaannya; atau
 - (ii) bukan sebuah bilik air, bilik makanan atau kawasan umum lain yang dapat diakses oleh orang-orang yang bekerja di dalam bangunan terminal tersebut.
14. Pusat-pusat hiburan.
15. Gelanggang permainan kasut roda yang tertutup.
16. Kilang.
17. Tempat makan termasuk mana-mana bilik air di dalam kawasannya.
18. Kedai.
19. Internet café.
20. Kompleks membeli-belah.
21. Gelanggang sukan tertutup atau stadium sukan, lorong boling, dewan biliard, gimnasium, pusat aerobik dan kecergasan.
22. Bangunan atau tempat awam yang digunakan bagi maksud-maksud keugamaan.
23. Mana-mana kawasan di dalam sesebuah stesen minyak.
24. Restoran, lorong boling, dewan biliard, bilik permainan arked, gimnasium, pusat kecergasan, perpustakaan, bilik membaca, teater atau panggung wayang, di dalam mana-mana kelab persendirian.
25. Mana-mana premis tertutup sesebuah bank yang dapat diakses oleh orang ramai bagi maksud untuk menjalankan transaksi perbankan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

26. Koridor tertutup, lobi, ruang tangga, bilik air atau kawasan umum lain —
 - (a) mana-mana bangunan yang seluruhnya atau terutamanya mengandungi premis pejabat; atau
 - (b) bahagian mana-mana bangunan yang seluruhnya atau terutamanya mengandungi premis pejabat.
27. Kawasan umum tertutup mana-mana premis atau bangunan kediaman persendirian.
28. Lobi sesebuah hotel.

JADUAL KEDUA (perenggan 3)

KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM

1. Mana-mana bas bermotor.
2. Mana-mana bas persendirian.
3. Mana-mana bas sewa persendirian.
4. Mana-mana bas sekolah.
5. Mana-mana teksi.

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 28 haribulan Julai, 2007.

**PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.